

# Mahathir: Hentikan kempen anti DEB



DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Isnin — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir hari ini memberi amaran, tindakan tegas akan diambil terhadap golongan-golongan tertentu yang menjalankan kempen bertujuan memban- tutukan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Beliau memberi amaran tersebut ketika berucap merasmikan seminar "Dasar Ekonomi Baru dan Implikasinya", di sini hari ini.

"Tindakan mereka itu bukan sahaja merugikan negara bahkan diri mereka sendiri," tegas beliau.

Oleh yang demikian, tambah Timbalan Perdana Menteri lagi, perbuatan jahat itu hendaklah dihentikan kerana Kerajaan tidak teragak-agak mengambal tindakan terhadap mereka.

Dato Seri Dr Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, Kerajaan telahpun menunjukkan kesanggupannya mengubahsuai cara-cara pendekatan DEB, tetapi tidak akan lari dari objektif utamanya untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

## Kestabilan

"Kerajaan berazam untuk mencapai objektif-objektif ini kerana hanya dengan demikian kestabilan, harmoni dan perkembangan Malaysia seterusnya boleh terjamin," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, keamanan dan kestabilan adalah baik untuk perniagaan dan juga kepada Kerajaan.

"Hanya sesebuah Kerajaan yang berjaya mewujudkan kedua-dua keadaan ini, akan dapat mengekalkan kekuasaannya di negara ini," tambah beliau.

Dato Seri Dr. Mahathir merasa hairan kenapa ahli-ahli perniagaan tempatan belum dapat menyesuaikan diri masing-masing dengan DEB, sedangkan syarikat-syarikat asing di negara ini kebanyakannya telahpun berbuat demikian dan menikmati faedah-faedahnya.

Katanya, setengah daripada syarikat-syarikat asing itu menjadikan syarat-syarat terhad DEB itu kepada keuntungan-keuntungan yang selanjutnya membantu mereka mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

"Ahli-ahli perniagaan tempatan juga boleh berbuat demikian, kecuali mereka merasa diri mereka lebih rendah dan tidak berupaya melakukan apa yang dibuat oleh ahli-ahli perniagaan asing," kata Timbalan Perdana Menteri.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Set : 1464  
No. Pen : 1135/80